

# Utusan Borneo

PPK 220/12/2011 (026866)

Citra Generasi Prihatin

## USIM dianugerah status autonomi

### KEMENTERIAN

Pendidikan baru-baru ini menganugerahkan status autonomi kepada Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), menjadikannya antara 12 buah Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) setakat ini yang menerima status tersebut.

Pengerusi Lembaga Pengarah USIM, Prof Emeritus Tan Sri Dr. Abdul Shukor berkata autonomi itu merupakan satu tanggungjawab dan amanah yang perlu ditunaikan.

"Universiti harus lebih peka dan berusaha keras kerana pihak kementerian akan sentiasa memantau untuk memastikan kita sentiasa memenuhi kriteria yang ditetapkan.

"Oleh itu, semua petugas USIM di pelbagai peringkat perlu memberi perhatian kepada autonomi ini kerana ia akan memberi banyak faedah kepada universiti," katanya.

Watikah autonomi itu disampaikan Timbalan

Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin, yang juga Menteri Pendidikan kepada Abdul Shukor sempena Majlis Perutusan Tahun Baharu 2015 kementerian itu di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC) baru-baru ini.

Pada 2011, USIM telah dipilih oleh kementerian bersama Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Universiti Sains Malaysia (USM) sebagai projek perintis untuk pengauditan autonomi sebelum dasar ini dilaksanakan.

Status autonomi diberikan apabila sesebuah IPTA melepasi penilaian tahap kesediaan autonomi melebihi skor 85 peratus dalam komponen tertentu yang dinilai.

Autonomi yang diberikan ini mencakupi empat bidang iaitu Governan Institusi; Kewangan dan Penjanaaan Pendapatan; Pengurusan Sumber Manusia; dan Pengurusan Akademik dan Kemasukan Pelajar. — Bernama